

Headline **Bryan, Fong Ying atlit terbaik MASUM**  
Date **10 Apr 2011**  
MediaTitle **Berita Minggu**  
Section **Sukan**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**  
Page No **57**  
Article Size **320 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **8,421**  
PRValue **25,264**



# Bryan, Fong Ying atlit terbaik MASUM

Atlit lelaki, wanita negara terima RM3,000 dan trofi penghargaan di Sabah

Jumiati Rosly

**B**ERAKSI cemerlang pada Sukan Asia 2010 di Guangzhou, penerjun, Bryan Nickson Lomas dan atlit wushu, Chai Fong Ying dinobatkan selaku Olahragawan dan Olahragawati pada Anugerah Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2010 di Kota Kinabalu, semalam.

Seperti sudah tertulis, kedua-dua penuntut universiti itu mengharumkan nama negara dengan cara tersendiri apabila Fong Ying mencipta sejarah menyumbang pingat emas pertama kontinjen negara pada Sukan Asia itu manakala Bryan meraih kutipan pingat terakhir untuk negara.

Bryan - penuntut tahun pertama Sains Sukan di Universiti Malaya (UM) dan Fong Ying masing-masing menerima RM3,000 serta trofi disam-

paikan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pada Anugerah MASUM diperkenalkan sejak 1994 bagi menghargai sumbangan atlit Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menyumbang kepada pembangunan sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dengan memenangi dua perak dan satu gangsa pada Sukan Asia itu serta dua gangsa pada Sukan Komanwel 2010 di New Delhi, Bryan, 21, menjadi pilihan utama menewaskan empat calon lain iaitu pemain skuasy Mohd Nafiizwan Mohd Adnan daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM), pemain kriket Ahmad Faiz Mohammad Noor daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta dua pemain bowling,

Fahmi Bahri Sulaiman daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Muhammad Syafiq Ridhwan Abdul Malik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM).

Bryan yang bakal memberi tumpuan kepada Sukan Olimpik 2012 berkata: "Saya sudah pun menamatkan pengajian di semester kedua namun perlu berkorban menanggungkan pengajian mungkin sehingga tahun depan bagi tumpuan kelayakan ke Olimpik," katanya yang bakal beraksi di Kejohanan Dunia FINA di Shanghai, Julai ini.

Pemenang Olahragawati, Fong Ying, 24, penuntut jurusan perakaunan di UPM menumpaskan empat calon pilihan lain iaitu atlit ping pong Fan Xiao Jun (UM), pemanah Fatin Nurfatehah Mat Salleh (UiTM), atlit Yin Yee Wen (UMS) dan pemain

bola jaring Siti Sri Dalimah (UTM).



Bryan Nickson Lomas



Chai Fong Ying

Headline **Bryan, Fong Ying atlit terbaik MASUM**  
Date **10 Apr 2011**  
MediaTitle **Berita Minggu**  
Section **Sukan**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**  
Page No **57**  
Article Size **320 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **8,421**  
PRValue **25,264**

**INFO**

**SENARAI PEMENANG  
ANUGERAH MASUM 2010**

**Olahragawan:** Bryan Nickson  
Lomas (UM) - Renang

**Olahragawati:** Chai Fong  
Ying (UPM) - Wushu

**Bintang Harapan Lelaki:**  
Uriel Yu En French (UPM) -  
Karate do

**Bintang Harapan Wanita:**  
Noor Atika Md Radzi (UTM) -  
Bola jaring

**Pasukan Terbaik Lelaki:**  
Sepak takraw

**Pasukan Terbaik Wanita:**  
Bowling

**Jurulatih Terbaik:** Wan Rosni  
Wan Chik (UUM) - Golf  
Pengurus Pasukan Terbaik  
Mohd Fisol Saud (UiTM) -  
Bowling